

# PRO DAN KONTRA TARANNUM DI DALAM TILAWAH AL-QURAN: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

Muhammad Lukman Bin Ibrahim  
Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff  
Mustaffa Bin Abdullah

## PENDAHULUAN

Al-Quran adalah kalam Allah yang maha tinggi. Kemuliaan dan ketinggianannya adalah di dalam semua aspek sama ada dari sudut mukjizatnya, ketinggian bahasanya, perkhabaran tentang peristiwa lepas, semasa dan akan datang, bahkan tilawahnya yang mesti dibaca dengan paling baik dan merdu sesuai dengan status Al-Quran. Lalu, dengan itu adalah menjadi keperluan membincang dan mempelajari ilmu tarannum sebagai menunaikan hak tilawah Al-Quran dengan sebaik-baiknya.

## TAKRIF TARANNUM

### Tarannum dari sudut Bahasa

Tarannum (الترنم) dari sudut bahasa, berasal dari perkataan (تَرَنَّمَ) yang beerti menyanyi, mendendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu.<sup>1</sup> Perkataan ini juga digunakan sama ada untuk haiwan<sup>2</sup> dan jamaat<sup>3</sup>. Dengan itu, setiap perkara yang menghasilkan bunyi atau suara yang menarik untuk didengar adalah dipanggil nyanyian (lagu).<sup>4</sup>

Terdapat beberapa perkataan lain yang memberi makna yang sama dengan tarannum ialah:

1. Al-Tarji' (الترجيع)
2. Al-Taghanni (التغنى)
3. Al-Tatrib (التطريب)
4. Al-Talhin (التلحين)
5. Al-Tanghim (التغيم)

<sup>1</sup> Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqiy al-Misri (1405h), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir. Jil. 12 hal 256

<sup>2</sup> Sebagai contoh, seekor merpati yang menyanyi.

<sup>3</sup> benda-benda bukan hidup dan berjisim seperti sebuah gambus (gitar) yang menyanyi. Sila lihat Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad, (1963), *al-Nihayah fi gharib al-hadith wa al-'athar*, al-Qahirah: Maktabah Islamiyyah jil 2 hal 271.

<sup>4</sup> Ibn Manzur (1405), *op.cit.*, jil 12 hal 257

Perkataan tarannum disandarkan kepada lagu Al-Quran adalah berdasarkan kepada hadith berikut:

ما أذن الله لشيء ما أذن لنبي حسن الترنم بالقرآن

Maksudnya:

*Allah tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan lagu (tarannum) Al-Qurannya.<sup>5</sup>*

Adalah perlu ditekankan bahawa Rasulullah menggunakan istilah khusus *tarannum bi al-Quran* (الترنم بالقرآن). Oleh kerana perkataan tarannum adalah umum dan boleh digunakan kepada perkara lain juga, maka *tarannum bi al-Quran* sepatutnya dijadikan suatu istilah khusus kepada bidang pengajian ilmu ini.

### **Tarannum dari sudut Istilah**

*Tarannum bi al-Quran* ialah suatu ilmu atau kaedah yang membicarakan tentang kepelbagaian bunyi mengikut proses nada, rentak dan irama yang tertentu bertujuan untuk menambahkan keelokan seni bunyi sesuatu bacaan Al-Quran.<sup>6</sup>

Ciri-ciri tarannum bi al-Quran:

Setiap tarannum bi al-Quran mestilah tidak terpisah dari ciri-ciri berikut:


1. Nada iaitu tingkatan atau tekanan bunyi suara.
2. Rentak iaitu gerakan untuk menghidupkan bunyi suara
3. Irama iaitu alunan atau bentuk bunyi.

Sesuatu bunyi yang tidak mengandungi ketiga-tiga ciri tersebut tidaklah dikatakan sebagai tarannum bi al-Quran.

<sup>5</sup> أذِنَ (<adhina) bermakna اِشْتَمَعَ (istama‘a) iaitu mendengar dengan penuh perhatian. al-Mundhiri, Abd al-‘Azim Bin Abd al-Qawi (1933h), *al-Tarhib Wa al-Tarhib Min Hadith al-Syarif*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, Jil. 2 Hal 309. Lihat juga al-Dimaysqi, Ibn Himmat Syamsuddin Abi Abdullah Muhammad Bin Hasan, *al-Tankit Wa al-Ifadah Fi Takhrij Ahadith Khatimah Safar al-Sa‘adah*, Dimaysq: Dar al-Ma’mun, hal 189. kedua-duanya dengan sanad yang sah.

<sup>6</sup> Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998m), *Qawa‘id al-Tarannum*, Kuala Lumpur: Darul Fikr, hal 112.

## Pendalilan terhadap Tarannum Al-Quran



Maksudnya:

*Dan bacalah Al-Quran dengan cara tartil<sup>7</sup>*

Ibn Manzur menukilkan bahawa *al-tartil* bermaksud sebaik-baik bacaan, jelas dan terang, serta perlahan-lahan.<sup>8</sup> Ibn ‘Abbas mentafsirkan bacaan yang jelas, terang makhrajnya serta perlahan-lahan.<sup>9</sup> Sayyidina ‘Ali pula berpendapat *al-tartil* ialah

تجويد الحروف ومعرفة الوقوف<sup>10</sup>

Maksudnya:

*Memperelokkan sebutan huruf dan mengetahui tempat-tempat waqf dan ibtida<sup>11</sup>*

Ini bermakna bahawa *al-tartil* ialah bacaan yang penuh berhati-hati, sempurna tajwid dan makhraj dengan alunan bacaan yang menarik tanpa kegopohan.

Rasulullah membaca Al-Quran dengan tartil serta suara dan tarannum yang baik. Ini diperjelaskan dalam hadith berikut:

عن البراء بن عازب رضي الله عنه قال سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقرأ والتين والزيتون في العشاء وما سمعت أحدا أحسن صوتا منه

Maksudnya:

*Dari al-Bara’ bin ‘Azib r.a berkata bahawa aku dengar nabi membaca surah al-tin dalam sembahyang Isyak. Aku tidak pernah mendapati seorang yang lebih baik suara (bacaannya) lebih dari Baginda<sup>12</sup>*

<sup>7</sup> al-Muzzammil: 7

<sup>8</sup> Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqi al-Misri (1405h), *op.cit*, jil. 11 hal 265.

<sup>9</sup> al-Alusi, Syihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Baghdadi (1994m), *Ruh al-Ma‘ani*, Beirut: Ihya’ al-Turath al-Arabiy, juz 19 hal 15 dan 16.

<sup>10</sup> Ibn al-Jazari, Syihab al-Din Abi Bakr Bin Ahmad Bin Muhammad, (1418H), *Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira’at al-‘Asyr*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah,, hal 34.

<sup>11</sup> Waqf bermaksud berhenti ketika suatu ayat di baca. Ibtida’ ialah tempat memulakan suatu ayat sama ada bersesuaian atau sebaliknya.

<sup>12</sup> al-Bukhari, Muhammad bin Isma‘il (1345h), *Sahih al-Bukhari*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi jil 1 hal 266

Hadith ini membuktikan bahawa Rasulullah membaca Al-Quran dengan suara yang terbaik.

عن البراء رضي الله عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ثم  
زينوا القرآن بأصواتكم فإن الصوت الحسن يزيد القرآن حسنا

Maksudnya:

*Al-Bara' bin 'azib r.a berkata bahawa Rasulullah bersabda: hiasilah Al-Quran dengan suara kamu. Ini kerana suara yang baik akan menambahkan lagi keelokan Al-Quran.*<sup>13</sup>

Hadith ini juga menyokong tentang penggunaan suara yang baik ketika mentilawahkan Al-Quran.

عبد الله بن مغفل المزني يقول: قرأ النبي صلى الله عليه وسلم عام  
الفتح في مسير له سورة الفتح على راحلته فرجع في قراءته

Maksudnya:

*Abdullah bin Mughaffal al-Muzaniy berkata bahawa Rasulullah membaca surah al-fath pada tahun pembukaan kota makkah. Pada ketika itu Baginda sedang menuju ke Makkah di atas kenderaan Baginda. Baginda membacanya dalam keadaan melagu-lagukannya (bertarannum).*<sup>14</sup>

Hadith di atas pula menekankan kepada kita tentang tarannum bi al-Quran ketika pembacaan Al-Quran. Ini adalah anjuran Rasulullah kepada umatnya.

Berdasarkan hadith-hadith di atas, al-Fadhil Tuan Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail<sup>15</sup> mengatakan bahawa bacaan Rasulullah adalah terdiri dari empat perkara asas iaitu tajwid, tarannum, fasahah dan suara.<sup>16</sup>


Unsur ini dapat diperjelaskan dalam gambar rajah berikut:

<sup>13</sup> Naysaburi, Muhammad bin 'Abdullah al-Hakim (1990m), *al-Mustadrak Ala al-Sahihayn Fi al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil 1 hal 768.

<sup>14</sup> Muslim bin Hajjaj al-Qusyayri al-Naysaburi, (1995M), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, jil 2 hal 193.

<sup>15</sup> Beliau adalah seorang qari yang berpengalaman luas dalam bidang tarannum. Hakim majlis tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan Malaysia (sejak 1983 hingga kini) dan antarabangsa (sejak 1992 hingga kini).

<sup>16</sup> Temubual di rumah beliau pada 20 Ogos 2007.



Sebagai membuktikan bahawa tartil mesti mengandungi empat unsur di atas, imam ibn al-Jazari telah menukilkannya dalam kitabnya yang masyhur ‘tayyibah al-nasyr’ sebagaimana berikut,

ويقرأ القرآن بالتحقيق مع \* حذر وتدوير وكل متبع  
مع حسن صوت بلحون العرب \* مرتلا مجودا بالعربي

Maksudnya:

*Dibaca Al-Quran itu dengan tahqiq<sup>17</sup> bersama \* hadar<sup>18</sup> dan tadwir<sup>19</sup>, semua itu adalah (sunnah) yang diikuti (dari Rasulullah) dengan menggunakan suara yang elok dihiasi pula dengan tarannum-tarannum Arab \* secara murattal<sup>20</sup>, mujawwad<sup>21</sup> dengan lajihah Arab.*

## HUKUM TARANNUM AL-QURAN

Banyak hadith-hadith yang menegaskan tentang permasalahan tarannum bi al-Quran.

Abu Hurayrah meriwayatkan Rasulullah bersabda:

ليس منا من لم يتغن بالقرآن

Maksudnya:

*Bukanlah dari golongan (umat) kami, sesiapa yang tidak bertarannum dengan Al-Quran.<sup>22</sup>*

<sup>17</sup> Suatu bacaan yang lambat dan tenang, memberi hak setiap makhraj huruf, panjang mad dan ghunnah yang sempurna.

<sup>18</sup> Bacaan yang cepat tetapi masih menjaga hukum tajwid. Walau bagaimana pun kaedah tajwid adalah sukar untuk dikawal dalam keadaan ini.

<sup>19</sup> Kadar bacaan pertengahan di antara bacaan tahqiq dan hadar.

<sup>20</sup> Bacaan dalam bentuk tartil iaitu perlahan-lahan dan memerhatikan tajwid al-Quran

<sup>21</sup> bacaan bertajwid serta di sulami dengan tarannum al-Quran yang baik.

<sup>22</sup> al-Bukhari, Muhammad bin Isma‘il (1345h), *op.cit.*, jil 4 hal 411.

Hadith ini jelas menunjukkan perintah *tarannum bi al-Quran* terhadap qari-qari yang membaca al-Quran.

Para ulama berselisih pendapat tentang makna perkataan (يَتَغَنَّ) dalam hadith di atas.

Ibn jawziy berkata perkataan (التغنى) al-taghani mempunyai beberapa pengertian.<sup>23</sup>

1. (تحسين الصوت) tahsin al-saut iaitu memperelokkan suara.
2. (الاستغناء) istighna‘ iaitu merasa kaya dan cukup dengan Al-Quran
3. (التحزن) al-tahazzun bersedih dan berduka iaitu dengan suara yang lembut, halus, berseni serta khusyuk yang dapat mewujudkan suasana syahdu untuk menangis.<sup>24</sup> Ini kerana Rasulullah bersabda: sesungguhnya Al-Quran itu turun dalam situasi kesedihan. Lalu, apabila kamu membacanya, hendaklah kamu menangis. Kalau tidak mampu, hendaklah kamu buat-buat menangis<sup>25</sup>.(kerana ia akan mendatangkan tangisan yang sebenar)
4. (التشاغل به) al-tashaghul bihi iaitu menyibukkan diri dengan urusan Al-Quran.
5. (التلذذ والاستحلاء) al-taladhdhudh wa al-istihla‘ iaitu ceria, seronok, gembira dengan Al-Quran.
6. (هَجَّرَ الْعَرَبُ التَّغْنِي) <sup>26</sup> iaitu kelaziman dan adat masyarakat Arab suka bertarannum. Ibn al-A’rabi berkata: menjadi kebiasaan masyarakat Arab apabila mereka menunggang unta atau berada di halaman-halaman rumah, mereka akan besiulan menyanyi. Apabila Al-Quran diturunkan Rasulullah sangat suka agar kebiasaan mereka berubah

<sup>23</sup> al-‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar (1414h), *Fath al-Bari syarh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Fikr jil 9 hal 69.

<sup>24</sup> al-Munawiy, Abd al-Ra’uf bin Taj al-‘Arifin (1356h), *Fayd al-Qadir syarh al-Jami’ al-Saghir*, Misr: Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, jil 2 hal 62.

<sup>25</sup> al-Qazwini, Muhammad Bin Yazid Abu Abdullah (1962m), *Sunan Ibn Majah*, Bayrut: Dar al-fikr, jil 1 hal 424. Imam al-Ghazali memberi pendapat beliau: cara untuk mendatangkan kesedihan ketika membaca Al-Quran ialah dengan memperhatikan segala ayat ancaman, cabaran, ayat perjanjian dan piagam, lalu, seorang qari itu membandingkan dengan segala kealpaan dan yang ada pada dirinya dalam menunaikan segala perintah dan meninggalkan segala larangan. Dengan itu, dia akan merasa sedih. Kalau dia tidak mampu menangis juga, maka menangislah kerana ketidakmampuannya untuk menangis. Ini kerana ia adalah sebesar-besar musibah. Sila lihat al-Munawi, Abd al-Ra’uf bin Taj al-‘Arifin (1356h), *op.cit.*, jil 2 hal 62.

<sup>26</sup> (هجَّيرَ) hijjira bermaksud kerja, urusan, kelaziman, tabiat dan adat. Sila lihat Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqi al-Misri (1405h), *op.cit.*, jil. 5 hal 254. lihat juga al-Zamakhsyari, Mahmud Bin ‘Umar (1979m), *al-Fa’iq fi Gharib al-Hadith wa al-Athr*, Qahirah: Dar al-fikr, jil. 2, hal 36.

kepada bertarannum dengan Al-Quran.<sup>27</sup>

Para ulama tiada khilaf tentang sunat dan digalakkan memperelokkan suara serta bertarannum dalam had-had yang dibenarkan oleh syarak iaitu selagi mana tidak terkeluar dari cara bacaan yang digariskan oleh ulama qiraat yang muktabar.

Imam al-Nafrawiy al-Malikiy berkata bahawa membaca Al-Quran dengan suara yang baik beserta tarannum dan tajwid yang digaris oleh syarak, tidak ada salah padanya bahkan mendatangkan khusuk dan memikirkan dengan ayat-ayat Allah.<sup>28</sup>

Khatib al-Syarbini pula berkata, memperelokkan suara ketika membaca Al-Quran adalah sunat.<sup>29</sup>

Begitu juga ulama tiada perselisihan tentang tegahan membaca Al-Quran dengan bertarannum sehingga merosakkan tajwid, menyembunyikan makhraj, mengeluarkannya bukan dari tempat yang sepatutnya, mengubah baris dan memanjangkan mad melebihi had yang sepatutnya kerana menjaga kaedah tarannum.<sup>30</sup>

Pendapat para ulama terbahagi kepada dua golongan:

### 1. Pendapat pertama: golongan yang tidak mengharuskan bertarannum.

Mereka berpegang kepada dalil-dalil berikut:

a. Dari Hudhayfah al-Yamani bahawa Rasulullah bersabda:

اقرأ القرآن بلحون العرب وأصواتها وإياكم ولحون أهل الكباير وأهل  
الفسق فإنه سيحى بعدي قوم يرجعون بالقرآن ترجيع الغناء والرهبانية  
والنوح لا يجاوز حناجرهم مفتونه قلوبهم وقلوب من يعجبهم شأنه

Maksudnya:

*Bacalah Al-Quran dengan lagu-lagu Arab<sup>31</sup> dan suara mereka. Dan jauhilah diri kamu dari lagu-lagu ahl*

<sup>27</sup> al-‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Aliy Bin Hajar (1414h), *op.cit*, jil. 9 hal. 69.

<sup>28</sup> al-Nafrawiy, Ahmad Ibn Ghunaym, (1420h), *al-Fawakih al-Dawani Syarh ‘Ala Risalah Al-Qayrawan*, Misr: Mustafa al-Babiy al-Halabi jil 2 hal 393.

<sup>29</sup> al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib (1989m), *Mughni al-Muhtaj ila Ma ‘rifah Ma ‘ani al-Alfaz al-Minhaj*, Qahirah: Dar al-Fikr jil 4 hal 429.

<sup>30</sup> al-Nawawiy, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf (1392h), *Syarh al-Nawawi ‘ala Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy, jil 3 hal 235.

<sup>31</sup> Tarannum yang baik dan tidak merosakkan segala huruf dan tajwid walaupun sedikit. al-Munawiy, Abd al-Ra’uf bin Taj al-‘Arifin (1356h), *op.cit*, jil 2 hal 83.

*kabair*<sup>32</sup> dan orang-orang *fasiq*.<sup>33</sup> Sesungguhnya akan datang satu kaum yang melagukan Al-Quran dengan lagu-lagu nyanyian, lagu gereja dan lagu kematian. Sebelum melangkahi leher mereka pun sudah rosak hati mereka dan hati orang yang mengagumi keadaan mereka.<sup>34</sup>

- b. Riwayat dari ‘Abis al-Ghifari bahawa Rasulullah menyebut berkenaan tanda-tanda hari qiamat. Diantaranya ialah:

وَنَشُوءٌ يَتَّخِذُونَ الْقُرْآنَ مَزَامِيرَ يُقَدِّمُونَ الرَّجُلَ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ لَيْسَ بِأَفْقَهُمْ  
لَا يُقَدِّمُونَهُ إِلَّا لِیُعْنِيَهُمْ بِهِ غَنَاءً»

Maksudnya:

*Suatu kemabukan iaitu orang-orang yang menjadikan Al-Quran sebagai seruling-seruling (hiburan). Mereka mengutamakan seseorang lelaki dihadapan mereka bukan kerana paling faqih tetapi disebabkan lelaki tersebut pandai berlagu dengan Al-Quran.*<sup>35</sup>

- c. Dari Abu Abd al-Rahman bin Abi Bakrah yang berkata,

كانت قراءة رسول الله صلى الله عليه وسلم المد، ليس فيه ترجيع

Maksudnya:

*bacaan (Al-Quran) Rasulullah itu adalah secara mad<sup>36</sup> dan tiada tarji (berlagu).*<sup>37</sup>

- d. Ibn Qayyim menukilkan satu riwayat bahawa Ziyad al-Nahdi datang menziarai Anas bin Malik r.a. bersama beberapa orang qurra'. Kemudian dikatakan kepada ziyad:

<sup>32</sup> Pelaku dosa besar.

<sup>33</sup> Orang yang mengabaikan tajwid al-quran. Sila lihat al-Munawiy, Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin (1356h), *op.cit*, jil 2 hal 83.

<sup>34</sup> Tabaraniy, Abu al-Qasim Sulayman Bin Ahmad (1404h) *al-Mu'jam al-Kabir*, Jaddah: Dar al-Bayan al-'Arabiy jil 18 hal 35. sila lihat al-Haythamiy, 'Aliy Bin Abi Bakr (1407H) *Majma' al-Zawa'id*. Qahirah: Dar al-Kutub al-'Arabiy jil 3 hal 249. Lihat juga Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf bin 'Abdullah bin Abd al-Barr (1387h), *al-Tamhid lima fi al-Mu'atta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, Maghrib: Matba'ah Fudalah jil 8 hal 147.

<sup>35</sup> Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman Bin Ahmad (1404h) *op.cit*, jil 12 hal 392. al-Haythami, 'Ali Bin Abi Bakr (1407H) *op.cit*, jil 7 hal 169.

<sup>36</sup> Memanjang bacaan khususnya dalam huruf mad iaitu (ي, و, ا) yang bertemu hamzah (ء). Keadaan ini amat banyak di dalam Al-Quran.

<sup>37</sup> Ibn Abi Syaybah, 'Abdullah bin Muhammad bin Abi Syaybah al-Kufi (1409h), *Musannaf Ibn Abi Syaybah*, Riyad: Maktabah al-Rusyd, jil 10 hal 466.



اقرأ، فرفع زياد صوته بالقراءة وطرب، وكان رفيع الصوت، فكشف أنس عن وجهه . وكان على وجهه خرقه سوداء . وقال: يا هذا ما هكذا كانوا يفعلون، وكان أنس إذا رأى شيئاً ينكره رفع الخرقه عن وجهه

Maksudnya:

*Bacalah Al-Quran. Kemudian ziyad membaca dengan suara yang tinggi dan berlagu. Kebetulan ziyad memang mempunyai bakat suara bernada tinggi. Tiba-tiba anas memecat kain berwarna hitam di atas kepalanya, seraya berkata, wahai awak, apa yang sedang mereka lakukan ini? Menjadi kebiasaan anas, apabila melihat sesuatu perkara yang tidak disukainya, beliau akan menanggalkan kain di atas kepalanya.*<sup>38</sup>

- e. Dalil rasionalnya ialah tarannum dalam bacaan Al-Quran menerbit huruf tambahan seperti hamzah yang bukan ditempat hamzah, memanjangkan bacaan bukan di tempat mad dan membunyikan satu huruf alif, waw dan ya' seolah-olah huruf tersebut berulang-ulang beberapa kali. Ini semua membuktikan bahawa tarannum tersebut tidak harus.

## 2. Pendapat kedua: golongan yang mengharuskan bertarannum.

- a. Rasulullah bersabda:

ما أذن الله لشيء ما أذن للنبي أن يتغن بالقرآن

Maksudnya:

*Allah tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan lagu (tarannum) Al-Qurannya.*<sup>39</sup>

Sebahagian para ulama tidak bersetuju dengan makna hadith di atas termasuk Sufyan bin 'Uyaynah berpendapat ((التغنى) al-taghanni bermaksud (الاستغناء) istighna' iaitu merasa kaya dan cukup dengan Al-Quran<sup>40</sup>.

Dengan itu, hadith di atas bermaksud “ bukan golongan umat kami sesiapa yang tidak merasa kaya dan cukup dengan Al-Quran,

<sup>38</sup> al-Jawziyyah, Muhammad Bin Abi Bakr bin al-Qayyim (1981m), *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*, Lubnan: Mu'assasah al-Risalah, jil 1 hal 137.

<sup>39</sup> al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il (1345h), *op.cit.*, jil 3 hal 346.

<sup>40</sup> al-Abadi, Muhammad Syams al-Haqq al-'Azim (1968m), *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*, al-Madinah: Maktabah al-Salafi, jil 4 hal 240.

lalu masih bersikap tamak haloba terhadap dunia “<sup>41</sup>

Mereka bersandarkan kepada hadith berikut:

ورجل ربطها تغنيا وتعففا ولم ينس حق الله في رقابها ولا ظهورها فهي  
له ستر

Maksudnya:

*seorang lelaki yang menambat kudanya, merasa cukup dan tidak perlu meminta-minta (dari manusia)<sup>42</sup> dan tidak lupa hak Allah terhadap leher<sup>43</sup> dan belakang<sup>44</sup> kudanya, maka ia akan menjadi penghalang<sup>45</sup> kepadanya. (penyekat kemiskinan).<sup>46</sup>*

Justeru (التغنى) al-taghamni adalah bermaksud (الاستغناء) istighna‘.

Ibn hajar menjustifikasikan bahawa perkataan (التغنى) al-taghamni dalam hadith sahih di atas bermaksud (الاستغناء) istighna‘ tanpa keraguan.<sup>47</sup> Ini kerana ia diikat dengan jelas dengan perkataan (تعففا) ta‘affufan yang bermaksud menjauhi dari meminta-minta kepada manusia.

Imam al-syafi‘iy pula menolak pendapat yang mengatakan (التغنى) al-taghamni bermaksud (الاستغناء) istighna‘. Beliau menegaskan, sekiranya demikian, maka hadith tersebut sepatutnya berbunyi (بالقرآن من لم يستغن)<sup>48</sup> sedangkan lafaznya menyebut (من لم يتغن). Dengan sebab itu ia bermaksud memperelokkan suara dan bertarannum dengan Al-Quran.<sup>49</sup>

Menurut pendapat imam al-Tabari, al-taghamni bermaksud tarannum kerana hadith di atas jelas menyebutkan perkataan أَدْنَّ (<adhina) bermakna اسْتَمَعَ (istama‘a) iaitu mendengar dengan penuh perhatian.

<sup>41</sup> al-‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar (1414h), *op.cit.*, jil 9 hal 69.

<sup>42</sup> Iaitu pendapatannya dari hasil kerja kudanya atau upah orang yang menyewa kudanya.

<sup>43</sup> Berbuat baik, menjaga makan minumnya serta kasihan terhadap kudanya. Sila lihat Ibn ‘Abd al-Barr, Yusuf bin ‘Abdullah bin Abd al-Barr (1387h), *op.cit.*, jil 4 hal 210.

<sup>44</sup> Tidak meletakkan bebanan di atas belakang melebihi kemampuannya. Sila lihat al-Zarqani, Muhammad bin Abd al-Baqi (1992m), *Syarh Zarqani ala Muatta’ al-Imam Malik*, Abu Zabi: Wizarah al-Syu’un al-Islamiyyah, jil 3 hal 8.

<sup>45</sup> Sila lihat al-Zarqani, Muhammad bin Abd al-Baqi (1992m), *ibid.*, jil 3 hal 7.

<sup>46</sup> al-Bukhari, Muhammad bin Isma‘il (1345h), *op.cit.*, jil 2 hal 835.

<sup>47</sup> al-‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar (1414h), *op.cit.*, jil 9 hal 69.

<sup>48</sup> al-Munawi, Abd al-Ra’uf bin Taj al-‘Arifin (1356h), *op.cit.*, jil.5 hal. 387.

<sup>49</sup> al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf (1392h), *op.cit.*, jil 6 hal 78.

Pendapat ini juga ditegaskan oleh ibn Qudamah yang menerangkan bahawa sekiranya ia bermaksud (الاستغناء) istighna‘ iaitu merasa kaya dan cukup, maka ia tidak tepat.<sup>50</sup> Ini kerana Rasulullah menyebut perkataan perkataan ‘mendengar’, ‘suara’ serta ‘menyaringkan’ sebagaimana yang disebut dalam riwayat yang lain pula,

يَتَغْنَى بِالْقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ

Bermaksud:

*Berartannumkan dengan Al-Quran dengan menyaringkan (suara) dengannya.*<sup>51</sup>

Jelasnya, nyaring adalah berkait secara langsung dengan bacaan dan tidak kepada perasaan kaya dan cukup.<sup>52</sup>

Imam al-Ghazali pula menegaskan al-taghanniy bermaksud al-tarannum dan kepelbagaian lagu. Itulah yang paling diterima oleh pakar bahasa.<sup>53</sup>

Ibn Rusyd berkata bahawa makna hadith, (ليس منا من لم يتغن) ialah bukanlah umat kami orang yang tidak merasa gembira dan seronok mendengar bacaan Al-Quran. Ini berlaku kerana hatinya menjadi lunak dan asyik mendengar kalam tuhanNya seperti mana peminat nyanyian yang terpesona dengan alunan penyanyi mereka.<sup>54</sup>

Dengan itu, imam al-Syafi’i, para penyokong serta jumhur ulama berpegang bahawa (التغنى) al-taghanni bermakna memperelokkan seni suara terhadap Al-Quran.<sup>55</sup>

- b. Hadith yang diriwayatkan oleh Muawiyah Bin Qurrah Dari Abdullah Ibn Mughaffal al-Muzaniy yang berkata,

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْفَتْحِ عَلَى نَاقَةٍ لَهُ يَقْرَأُ سُورَةَ الْفَتْحِ أَوْ مِنْ سُورَةِ الْفَتْحِ قَالَ فَرَجَعَ فِيهَا قَالَ ثُمَّ قَرَأَ مَعَاوِيَةَ يَحْكِي قِرَاءَةَ

<sup>50</sup> Ibn Qudamah, Abdullah Bin Ahmad Bin Qudamah al-Maqdisi, (1405H), *al-Mughniy*, Bayrut: Dar al-Fikr jil 12 hal 47.

<sup>51</sup> al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf (1392h), *op.cit*, jil 6 hal. 78.

<sup>52</sup> Ibn Qudamah, Abdullah Bin Ahmad Bin Qudamah al-Maqdisi, (1405H), *op.cit*, jil 12 hal 47.

<sup>53</sup> al-Ghazali, Abiy Hamid Muhammad bin Muhammad (1997m), *Ihya’ ‘Ulum al-Din*, Qahirah: Maktabah Misr, jil 3 hal 118.

<sup>54</sup> Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad, *al-Muqaddimat al-Mumahhidat li Bayan Ma Iqtadathu Rusum al-Mudawwanah min al-Ahkam al-Syar’iyyah*, Misr: Maktabah al-Azhariyyah, 3 463.

<sup>55</sup> al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf (1392h), *op.cit*, jil 6 hal. 78.

ابن مغفل وقال لولا أن يجتمع الناس عليكم لرجعت كما رجعت ابن مغفل  
يحكي النبي صلى الله عليه وسلم

Maksudnya:

*Daku melihat Rasulullah pada hari pembukaan kota makkah. Baginda berada di atas unta dan membaca surah al-fath atau sebahagiannya dalam keadaan berlagu. Kemudian muawiyah membaca seperti mana bacaan ibn mughaffal seraya berkata, kalaulah bukan disebabkan orang akan berkumpul bersama kamu, pastinya daku akan bertarannum sepertimana Ibn Mughaffal memceritakan bacaan Rasulullah<sup>56</sup>*

Lalu orang bertanya Muawiyah,

كيف كان ترجيعه قال آ آ آ ثلاث مرات

Maksudnya:

*Bagaimanakah sifat tarannum Rasulullah itu? Jawab muawiyah. A a a tiga kali.<sup>57</sup>*

Dalam hadith ini, Abdullah bin Mughaffal menggambarkan bacaan Rasulullah ketika Rasulullah berlagu iaitu bacaan Rasulullah yang lembut dengan suara yang bergetar di dalam kerongkong Baginda. Ini kerana sebutan huruf alif tersebut berulang-ulang sebanyak 3 kali.

Imam al-Sindi menyatakan ini adalah jelas bahawa harus bertarannum dalam bacaan.<sup>58</sup>

Imam al-Qurtubi tidak bersetuju dengan pendapat ini menyatakan bahawa kemungkinan keadaan tersebut terjadi kerana Rasulullah berada di atas unta yang bergerak.<sup>59</sup>

Alasan itu tidak dapat diterima kerana kerana Rasulullah memang melakukan demikian dan bukan terjadi secara tidak sengaja disebabkan oleh gegaran unta yang dinaiki Baginda.

Sekiranya berlaku secara tidak sengaja nescaya Abdullah Ibn Mughaffal tidak akan meriwayatkannya dan menyuruh orang supaya mencontohi bacaan Baginda. Begitu juga sekiranya ia adalah

<sup>56</sup> Muslim bin Hajjaj al-Qusyayri al-Naysaburi, (1995M), *op.cit.*, juz 2 hal 193.

<sup>57</sup> al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il (1345h), *op.cit.*, jil 4 hal 414.

<sup>58</sup> al-Sindi, Nur al-Din Bin 'Abd al-Hadi(t,t), *al-Bukhari Syarh al-Sindi*, Halb: Maktab al-Matbu'ah al-Islamiyyah, jil 3 hal 235.

<sup>59</sup> al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr (1968m), *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Qahirah: Dar al-Katib al- 'Arabi li al-Tiba'ah wa al-Nasyr, jil 1 hal 16.

disebabkan oleh gegaran unta, pastilah ia tidak boleh dinamakan sebagai bertarannum sebagaimana dalam riwayat tersebut.<sup>60</sup>

- c. Riwayat dari Abu Musa al-‘Asyari, Baginda bersabda kepadanya,

لو رأيتني وأنا أستمع لقراءتك البارحة، لقد أوتيت زمماراً من مزامير آل داود، فقال أبو موسى: أما والله لو علمت أنك تسمع قراءتي لحبرتها لك تحبيراً

Maksudnya:

*kalaulah kamu melihat bahawa daku mendengar bacaan kamu malam tadi, sesungguhnya aku diberi satu seruling dari seruling keluarga Dawud.*

Jawab Abu Musa, demi Allah kalau saya tahu bahawa anda mendengar bacaan saya, pastinya saya akan perelokkan (bacaan dan suara) saya dengan paling merdu.<sup>61</sup>

Sebagaimana yang diketahui bahawa Abu Musa al-‘Asyari adalah salah seorang qari di zaman Rasulullah. Baginda memuji bacaan beliau yang baik dan merdu dengan menggambarkannya seperti seruling keluarga nabi Dawud.

Ini bermakna bahawa abu musa bertarannum dalam bacaannya. Bahkan sekiranya beliau tahu Baginda sedang mendengar, dia tentu akan menambah lagi keelokan bacaan dan tarannumnya.

- d. Imam Badruddin al-Ayni meriwayat bahawa Sayyidina ‘Umar berkata kepada Abu Musa al-‘Asy‘ari,

ذكرنا ربنا، فيقرأ أبو موسى ويتلاحن، وقال عمر رضي الله عنه مرة من استطاع أن يغني بالقرآن غناء أبي موسى فليفعل

Maksudnya:

*berilah peringatan agar kami dapat mengingati Allah I. Lalu Abu Musa membaca Al-Quran dan bertarannum. Kemudian Umar berkata, “ barangsiapa yang mampu bertarannum seperti tarannum abu musa, maka sila lakukan.”<sup>62</sup>*

<sup>60</sup> al-Jawziyyah, Muhammad Bin Abi Bakr bin al-Qayyim (1981m), *op.cit*, jil 1 hal 134.

<sup>61</sup> al-‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar (1414h), *op.cit*, jil 14 hal 272.

<sup>62</sup> al-Ayni, Badr al-Din Bin Mahmud, (1421h) *Umdah al-Qari*. Beirut: Dar Al-Kutub al‘Ilmiyyah, Juz 20 hal 41.

- e. Hujjah rasional keharusan tarannum:
- i. Sesungguhnya memperelokkan bacaan Al-Quran dengan tarannum dan suara yang merdu amat memberi kesan kepada jiwa serta menambah kekhusyukan.
  - ii. Sifat insani manusia memerlukan kepada bunyi dan lagu yang merdu sebagai pengubat jiwa. Maka tarannum Al-Quran adalah sebagai ganti kepada bunyi-bunyian dan lagu yang diharamkan Allah I.
  - iii. Sesungguhnya bacaan Al-Quran bertarannam tidak merosakkan tilawah Al-Quran selagi mana tidak merosakkan tajwid Al-Quran. Realiti tarannum dalam masyarakat membuktikan hal ini.

Imam Ibn al-Qayyim berkata bahawa tarannum ini terbahagi dua:

1. Tarannum yang berdasarkan naluri tabi' yang dapat dilakukan tanpa kesusahan dan latihan. Sekiranya seseorang mampu menambah lagi keelokan tarannum seperti Abu Musa al-'Asy'ari, dan masih dikira dalam bentuk naluri semula jadi, maka ia diterima. Inilah yang dilakukan oleh para salaf yang membaca Al-Quran dan memberi kesan kepada pendengarnya.
2. Tarannum yang dibentuk dan kaedahnya susuh dan perlu dipelajari serta dilatih. Ini seperti tarannum yang mengikut kaedah muzik yang dicipta oleh pakar-pakar muzik. Inilah yang dipandang makruh dan ditegah oleh para salaf.<sup>63</sup>

Syaykh al-Maqari' Mahmud Khalil Husari berkata, penggunaan tarannum Hijaz, Sikah, 'Uyssyaq dan lain-lain adalah harus selagi mana tidak merosakkan ilmu tajwid. Sekiranya ia mencacatkan ilmu tajwid maka ia adalah disepakati pengharamannya.<sup>64</sup>

Imam al-Syafi'i menyatakan bahawa tidak mengapa membaca Al-Quran dengan tarannum dengan pelbagai bentuk dan memperelokkan suara.<sup>65</sup>

Ibn Battal menyebutkan beberapa orang sahabat seperti Umar al-Khattab, Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ud mengharus bacaan Al-Quran bertarannum. Begitu juga imam Abu Hanifah dan al-Syafi'i.<sup>66</sup>

<sup>63</sup> al-Jawziyyah, Muhammad Bin Abi Bakr bin al-Qayyim (1981m), *op.cit*, jil 1 hal 137.

<sup>64</sup> al-Husariy, Mahmud Khalil (1423H), *Ma'al Quran al-Karim*, Qahirah: Maktabah al-Sunnah, hal 109

<sup>65</sup> al-Syafi'i, Abi Abdullah Muhammad Bin Idris, al-Imam, (1983m), *al-Umm*, Beirut: Dar Al-Fikr, jil. 6 hal 277.

<sup>66</sup> Ibn Battal, Ali Bin Khalaf Bin Abd al-Malik (2000m), *Syarh Sahih al-Bukhariy*, Riyadh:

Imam al-Nawawi menyimpulkan bahawa sekiranya tarannum tersebut masih tidak melampaui batas iaitu tidak merosakkan merosakkan lafaz Al-Quran seperti menambah dan mengurangkan baris, memajangkan qasr, memendekkan mad, menyembunyi baris yang menyebabkan kecelaruan makna, maka ia adalah harus.

Sekiranya ia merosakkan atau mencacatkan salah satu hukum hakam tajwid, para ulama bersepakat tentang pengharamannya.<sup>67</sup>

## **KESIMPULAN**

Melihat kepada pendalilan dan hujahan yang diberikan oleh para ulama, sekalipun masih mewujudkan pro dan kontra, maka beberapa kesimpulan boleh ambil:

1. hukum tarannum Al-Quran adalah harus bahkan sunat sekiranya bertujuan memperelokkan tilawah Al-Quran serta menurut hukum hakam tajwid yang tepat. Ini adalah berdasarkan hadith-hadith yang sahih.
2. ghuluw atau melampau di dalam tarannum sehingga merosakkan tajwid, menyembunyikan makhraj, memendekkan madd dan seumpamanya adalah disepakati pengharamannya.

Kedua-dua kumpulan ulama yang membahaskan tentang tarannum al-Quran sebenarnya adalah bertujuan yang sama iaitu menjaga, memulia serta meninggikan Al-Quran sebagai wahyu Allah.

## **BIBLIOGRAFI**

- ‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar, al, (1414h), *Fath al-Bari syarh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Fikr
- Abadi, Muhammad Syams al-Haqq al-‘Azim, al, (1968m), *‘Awn al-Ma’bud Syarh Sunan Abi Dawud*, al-Madinah: Maktabah al-Salafi
- Alusi, Syihab al-Din l-Sayyid Mahmud al-Baghdadi, al, (1994m), *Ruh al-Ma’ani*, Beirut: Ihya’ al-Turath al-Arabiy
- Ayni, Badr al-Din Bin Mahmud, al, (1421h) *Umdah al-Qari*. Beirut: Dar Al-Kutub al‘Ilmiyyah
- Bukhari, Muhammad bin Isma‘il, al, (1345h), *Sahih al-Bukhari*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi

---

Maktabah al-Rusyd, jil 10 hal 342

<sup>67</sup> al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf (1992m), *al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran*, Beirut: Dar Ibn Hazm 64 & 65.

- Dimaysqi, Ibn Himmat Syamsuddin Abi Abdullah Muhammad Bin Hasan, al, (1405H) *al-Tankit Wa al-Ifadah Fi Takhrij Ahadith Khatimah Safar al-Sa'adah*, Dimaysq: Dar al-Ma'mun,
- Ghazali, Abiy Hamid Muhammad bin Muhammad, al, (1997m), *Ihya' 'Ulum al-Din*, Qahirah: Maktabah Misr
- Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998m), *Qawa'id al-Tarannum*, Kuala Lumpur: Darul Fikr
- Haythamiy, 'Aliy Bin Abi Bakr, al, (1407H) *Majma' al-Zawa'id*. Qahirah: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah
- Husariy, Mahmud Khalil, al, (1423H), *Ma'al Quran al-Karim*, Qahirah: Maktabah al-Sunnah
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf bin 'Abdullah bin Abd al-Barr (1387h), *al-Tamhid lima fi al-Mu'atta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, Maghrib: Matba'ah Fudalah
- Ibn Abi Syaybah, 'Abdullah bin Muhammad bin Abi Syaybah al-Kufi (1409h), *Musannaf Ibn Abi Syaybah*, Riyad: Maktabah al-Rusyd
- Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad, (1963), *al-Nihayah fi gharib al-hadith wa al-'athar*, al-Qahirah: Maktabah Islamiyyah
- Ibn al-Jazari, Syihab al-Din Abi Bakr Bin Ahmad Bin Muhammad, (1418H), *Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Battal, Ali Bin Khalaf Bin Abd al-Malik (2000m), *Syarh Sahih al-Bukhariy*, Riyadh: Maktabah al-Rusyd
- Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqiy al-Misri (1405h), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir
- Ibn Qudamah, Abdullah Bin Ahmad Bin Qudamah al-Maqdisi, (1405H), *al-Mughniy*, Bayrut: Dar al-Fikr
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad, *al-Muqaddimat al-Mumahhidat li Bayan Ma Iqtadathu Rusum al-Mudawwanah min al-Ahkam al-Syar'iyyah*, Misr: Maktabah al-Azhariyyah
- Jawziyyah, Muhammad Bin Abi Bakr bin al-Qayyim, al, (1981m), *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*, Lubnan: Mu'assasah al-Risalah
- Munawiy, Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin, al, (1356h), *Fayd al-Qadir syarh al-Jami' al-Saghir*, Misr: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra
- Mundhiri, Abd al-'Azim Bin Abd al-Qawi, al, (1933h), *al-Tarhib Wa al-Tarhib Min Hadith al-Syarif*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi
- Muslim bin Hajjaj al-Qusyayri al-Naysaburi, (1995M), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi



- Nafrawi, Ahmad Ibn Ghunaym, al, (1420h), *al-Fawakih al-Dawani Syarh 'Ala Risalah Al-Qayrawan*, Misr: Mustafa al-Babiy al-Halabi
- Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf, al, (1992m), *al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran*, Beirut: Dar Ibn Hazm
- Nawawiy, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf, al, (1392h), *Syarh al-Nawawi 'ala Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy
- Naysaburi, Muhammad bin 'Abdullah al-Hakim, al, (1990m), *al-Mustadrak Ala al-Sahihayn Fi al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Qazwini, Muhammad Bin Yazid Abu Abdullah, al, (1962m), *Sunan Ibn Majah*, Bayrut: Dar al-fikr
- Qurtubi, Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr, al, (1968m), *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Qahirah: Dar al-Katib al- 'Arabi li al-Tiba'ah wa al-Nasyr
- Sindi, Nur al-Din Bin 'Abd al-Hadi, al,(t,t), *al-Bukhari Syarh al-Sindi*, Halb: Maktab al-Matbu'ah al-Islamiyyah
- Syafi'i, Abi Abdullah Muhammad Bin Idris, al-Imam, al, (1983m), *al-Umm*, Beirut: Dar Al-Fikr
- Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib,al, (1989m), *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Alfaz al-Minhaj*, Qahirah: Dar al-Fikr
- Tabaraniy, Abu al-Qasim Sulayman Bin Ahmad, al, (1404h) *al-Mu'jam al-Kabir*, Jaddah: Dar al-Bayan al-'Arabiy
- Zamakhsyari, Mahmud Bin 'Umar, al, (1979m), *al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith wa al-Athr*, Qahirah: Dar al-fikr
- Zarqani, Muhammad bin Abd al-Baqi, al, (1992m), *Syarh Zarqani ala Muatta' al-Imam Malik*, Abu Zabi: Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah